

Modal RM2 raih RM18,000 sebulan hasil jaja tubuh

Bermodalkan RM2 untuk melayari Internet yang sepatutnya digunakan untuk belanja harian persekolahan, remaja ini mampu meraih RM18,000 sebulan dengan hanya menggoda lelaki hidung belang yang dahagakan belaian mesra gadis bawah umur menerusi perkenalan di FB.

Itu yang dilakukan Tina, 17, untuk hidup selesa dan mampu memakai pakaian berjenama, memiliki peralatan komunikasi canggih seperti anak orang kaya walaupun usianya ketika itu baru 13 tahun.

Gadis berasal dari utara tanah air ini dapat hidup bebas selepas melarikan diri dari rumah kerana tidak tahan menerima teguran dan leteran keluarga berikutan sikap liarnya.

Peluang itu digunakan Tina untuk memanfaatkan persahabatan singkat dengan lelaki bekerja di tapak pembinaan dikenali secara on-line, Fendi, 20-an, dan sanggup mengambil risiko tinggal bersama lelaki itu selama lima bulan.

saya memberikan layanan seks kepada Fendi.

“Tiada paksaan ketika kali pertama melakukan hubungan luar nikah, malah kami sama-sama seronok. Tidak cukup dengan itu, saya memberi khidmat seks kepada rakan Fendi yang duduk serumah mahupun sekadar datang melepak di kediaman berkenaan.

“Namun saya tak bodoh, sebaliknya layanan seks hanya akan diberi jika mereka setuju membayar. Paling banyak RM60, paling sedikit RM30.


“Fendi yang kononnya kekasih saya ketika itu tak pernah melarang, bahkan lebih gembira kerana saya boleh memberinya wang untuk menampung makanannya,” katanya kepada Metro Ahad.

Menurut Tina, selama tempoh itu, dia tidak pernah keluar dari rumah berkenaan dan mampu melayan sekurang-kurangnya 10 lelaki setiap hari.

Secara purata, gadis hingusan ini mampu meraih RM18,000 sebulan jika dia mengenakan bayaran RM60



TINA (kiri) ketika ditemui wartawan Metro Ahad, baru-baru ini.



“ Fendi yang kononnya kekasih saya ketika itu tak pernah melarang, bahkan lebih gembira kerana saya boleh memberinya wang untuk menampung makanannya ”

Tina

Namun, kegembiraan untuk membeli barangan, pakaian, telefon bimbit berje-

larikan diri untuk kali kedua. Berbekalkan wang tabungan sebanyak RM500, saya melompat dari tingkat dua rumah dan nasib baik tidak cedera.

“Kemudian, saya ke kafe siber membuka akaun FB dan berbual dengan mana-mana lelaki dengan berkesudahan mereka meminta saya menemani mereka.

“Bertemu di lokasi ditetapkan, dengan penampilan menarik meskipun berusia 13 tahun, ‘dating’ ekspres itu pasti diakhiri di bilik hotel.

“Sekali perkhidmatan, saya mengenakan bayaran maksimum RM60. Selalunya pelanggan tidak kira ketu-

langor.

Enggan menyalahkan sesiapa, Tina mengakui kehidupan mewah dijalannya pernah satu ketika memberi kepuasan tersendiri, apatah lagi dia mampu memiliki barangan berjenama tanpa perlu mengharap wang daripada keluarga, yang sememangnya mustahil kerana dia dibesarkan dalam kehidupan serba-serbi tidak mencukupi.

Malah, katanya, dia tidak memasuki pusat pemulihan itu dengan rela hati, sebaliknya dihantar keluarga selepas gagal mengawal tingkah laku liarnya.

“Saya berada di sini ham-



FOTO: NUR ADIBAH AHMAD IZAM

Metro 17/2/13

MS 9

Lebih 50 dikesan jual diri



FAKTA
Mereka tidak meletakkan harga secara terang-terangan di dinding (wall) laman sosial

Kuala Lumpur

Berdasarkan maklumat daripada Sally dan Tina, wartawan Metro Ahad melakukan pemantauan kira-kira seminggu di laman sosial Facebook (FB) untuk mengesan kegiatan tidak bermoral dalam kalangan gadis, termasuk yang masih bersekolah.

Hasilnya, wartawan menemui lebih 50 pengguna FB membabitkan gadis belasan tahun sehingga pertengahan 20-an yang mempromosi diri menerusi laman sosial itu dengan bermodalkan gambar seksi didakwa milik mereka untuk tujuan pelacuran.

Puluhan gambar seksi dipaparkan di laman sosial terbabit, malah ada antara mereka tanpa segan silu memuat naik gambar separuh bogel bagi tatapan lelaki miang.

Taktik itu dipercayai antara cara pemilik FB terbabit menarik perhatian lelaki yang dahagakan seks. Malah, kebanyakan pemilik akaun FB itu mempunyai ribuan

pengikut, terutama lelaki, kerana taksu dengan gambar dipaparkan.

Meskipun kelihatan mudah 'menjual' diri menerusi laman sosial terbabit, mereka tidak meletakkan harga secara terang-terangan di dinding (wall) laman sosial itu, sebaliknya lebih gemar tawar menawar melalui mesej.

Selain itu, tidak kurang juga mempromosi nombor telefon bimbit masing-masing kepada umum, mungkin bertujuan memudahkan

urusan jual beli.

Bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai aktiviti 'songsang' ini, wartawan menyamar sebagai lelaki yang inginkan perkhidmatan mereka dan cuba menghubungi hampir 20 pemilik FB yang mendakwa melakukan kegiatan itu.

Bagaimanapun, usaha itu gagal apabila mesej yang dihantar menerusi FB tidak dibalas. Wartawan akhirnya mengambil keputusan menghubungi mereka menerusi nombor telefon yang

ANTARA
akaun Facebook gadis bawah umur yang mempromosi diri kepada kenalan.



Perbualan dengan Awek Cun



●Wartawan (W): Hai. You tuan punya FB Awek Cun ya?
●Awek Cun (A): Ya. You siapa?
●W: I baru jadi kawan FB you. I tengok gambar you cantik-cantik dan seksi. Tapi betul ke gambar you?
●A: Eh, betullah. Kenapa pula I nak tipu?
●W: Manallah tahu. Selalunya ramai yang ambil gambar Internet je.
●A: Ada lima gambarkan?
●W: Okey. Jadi macam mana? Boleh ke kita jumpa? I tengok you macam buat kerja 'part time' je. Betul ke?
●A: Buat tu memang buat, tapi bila I bosan dan tak ada kerja je.

Perbualan dengan Nora



●Wartawan (W): Hi, Nora ke?
●Nora (N): Yes (ya). Siapa tu?
●W: I kawan FB you. I tengok gambar di profil you semuanya seksi-seksi.
●N: Ya. Memang seksi, tapi bukan semua gambar i. Banyak gambar (diambil) dari Internet je.
●W: Oh. Macam tu. So (jadi), you buat tak kerja tu?
●N: Buat, tapi tak bolehlah letak 'pic' (gambar) sendiri. Nanti orang ambil, teruklah I.
●W: Okey. Jadi, macam mana nak jumpa you?
●N: I letak harga tak mahal. RM100 je, tapi you kena sediakan bilik dan you kena ambil I. You ambil I (jam) 7 malam dan hantar I jam 1 pagi, boleh?

Tidak salah remaja ada akaun Facebook

Kuala Lumpur: Tidak salah remaja memiliki akaun laman sosial Facebook (FB), tetapi ibu bapa perlu memantau setiap kegiatan anak, termasuk rakan maya, bagi memastikan teknologi itu digunakan pada jalan betul.

Pakar motivasi, Prof Madya Md Izzudin Ali berkata, selain aspek itu, komunikasi antara ibu bapa dan anak penting supaya mereka tidak tersesat menghadapi dunia yang semakin moden ini.

“Zaman ini, ramai ibu bapa terlalu mengikut telunjuk anak dan tak berani nak tegur kesilapan kerana takut anak mereka buat

perkara tak elok, misalnya lari dari rumah,” katanya ketika dihubungi Metro Ahad.

Beliau yang lebih dikenali sebagai Prof Izi berkata, kebanyakan penjaga hanya mementingkan pencapaian akademik semata-mata tanpa menitikberatkan soal agama kepada anak.

“Ramai bangga apabila anak dapat subjek A dalam semua mata pelajaran. Setiap hari pasti ibu bapa tanya bagaimana pencapaian di sekolah. Namun, tidak ramai ibu bapa bertanya anak mereka mengenai soal.

“Hakikatnya, agama



memainkan peranan terpenting dalam mendidik anak selain elemen kasih sayang. Luangkan masa

“ Agama memainkan peranan terpenting dalam mendidik anak selain elemen kasih sayang. Luangkan masa bersama mereka dan bercakap secara psikologi, bukan kekerasan”

Md Izzudin Ali

bersama mereka dan bercakap secara psikologi, bukan melalui kekerasan,” katanya.

kerja je.

●W: Sekarang you buat apa? Belajar lagi ke kerja?

●A: I belajar lagi dekat Melaka. You duduk mana?

●W: I kat KL. Kalau kat Melaka jauhlah.

●A: Tak adalah jauh mana pun, tapi minggu ni I tak ‘free’. Kalau you nak, minggu depan datang sini (Melaka).

●W: Jauhlah. Berbaloi ke? Mahal tak?

●A: Tak mahal pun. RM70 je, tapi bilik you kena sediakanlah. Tapi I tak nak bilik murah-murah. Bahaya.

●W: Tinggi pula ‘taste’ (cita rasa) you ni. Okeylah. Nanti minggu depan I ‘call’ you okey.

●A: Okey. Tapi bagi tahu awal-awal kalau nak datang. Takut nanti I ‘busy’ (sibuk).

●W: Okey. Nanti I bagi tahu. Terima kasih. Bye.

●A: Bye.

pagi, boleh?

●W: Kenapa awal sangat nak balik? Tak ‘bestlah’ macam tu.

●N: I ni masih sekolah. Ini-pun kerja ‘part time’ je.

●W: Hah! Masih sekolah? Kenapa you buat macam ni? Bukan ke sepatutnya you kena belajar?

●N: Eh, I punya sukalah. You nak ke tak nak? Jangan nak ceramah pula kat sini.

●W: Hmm... Ya lah. You kat mana?

●N: I kat Penang. Nanti I SMS alamat I. You ambil I kat situ, boleh?

●W: Pulau Pinang? Kenapa jauh sangat? I kat KL lah.

●N: KL ke? Memang jauh. Buang masa je cakap dengan you.

●W: Manalah I tahu. You tak bagi tahu pun kat FB you dekat Pulau Pinang. Sorrylah ya. Bye.

●N: Okey. Bye.